

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGAM)

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGAM) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan masih lagi memberikan elaun bulanan kepada Sasterawan-sasterawan Negara. Mengapakah sudah dua tahun (2020 dan 2021) tiada penganugerahan Sasterawan Negara kepada sasterawan-sasterawan tempatan. Apakah tiada yang layak ataupun Kerajaan sudah tidak berminat untuk memartabatkan sastera tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited untuk terus memartabatkan sastera kebangsaan dengan memberi pengiktirafan kepada tokoh sasterawan yang layak. Anugerah Sastera Negara (ASN) merupakan pengiktirafan bertaraf negara bagi menghargai sumbangan dalam perkembangan kesusasteraan kebangsaan melalui ciptaan karya kreatif, pemikiran dan kegiatan sastera yang bermutu tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masih meneruskan pemberian elaun bulanan dengan kadar sebanyak RM5,000 kepada semua Sasterawan Negara (SN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, proses pencalonan ASN diteruskan pada tahun 2020 dan 2021. Pada masa ini, DBP selaku Urus Setia ASN sedang melaksanakan proses pemilihan dan penilaian SN Ke-15. Pengumuman ASN ini akan diadakan pada tahun 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian menangani isu karya artis tempatan yang disenaraikan di Google Arts & Culture namun di bawah hak milik Lembaga Warisan Singapura; dan
- (b) bagaimana proses pengesahan dan pemilikan karya digital *CryptoArt* dan jumlah yang telah didaftarkan di bawah MyIPO setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara mempunyai hakmilik kepada karya seni majoriti pelukis Malaysia dalam daftar Koleksi Negara. Perkara hakmilik dan hakcipta pelukis Malaysia ini tidak terjejas dengan wujudnya beberapa karya pelukis Malaysia di bawah hakmilik Lembaga Warisan Singapura yang terpapar menerusi platform *Google Arts & Culture*. Setakat ini, terdapat sebanyak 543 butiran di bawah carian nama Singapore Heritage Board (Lembaga Warisan Singapura) di portal Google Arts & Culture. Untuk makluman, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara sendiri mencatat 4.9 juta carian Google pada tahun 2021.

2. Portal ini hanya membenarkan *copyright free* atau *copyright cleared content*. Setiap karya tersebut jelas ada dinyatakan "*copyright belongs to the artist*". Butiran dalam portal ini adalah *encrypted* di mana pengguna tidak boleh memuat turun (*download*) atau membuat salinan (*copy*) apa jua butiran karya dan maklumat yang dipaparkan. Justeru, Lembaga Warisan Singapura tertakluk di bawah skop perjanjian kolaborasi Google Arts & Culture ke atas karya-karya yang dipaparkan.

3. Ketinggian mutu seni visual Malaysia terbukti dengan adanya sebilangan karya artis tempatan seperti Latiff Mohidin, kumpulan Pangrok Sulap, Tan Chin Kuan, Zulkifli Yusof dan Sulaiman Esa yang disenaraikan di portal Google Arts & Culture berada di bawah hak milik pelbagai *Galleries, Libraries, Archives, Museums* (GLAM) di luar negara seperti Lembaga Warisan Singapura, Muzium Seni Asia Fukuoka Jepun dan Queensland Art Gallery of Modern Art Australia.

NO. SOALAN : 32

4. Pada masa yang sama, adalah menjadi etika untuk merekodkan mana-mana koleksi seni di dalam sektor GLAM dengan mempamerkan daftar hakmilik terhadap koleksi tetap masing-masing. Karya-karya pelukis tanahair ini telah diperoleh atau dibeli secara langsung daripada pihak pelukis dan karya mereka telah didaftarkan sebagai koleksi GLAM tersebut. Perolehan oleh pihak luar juga akan meningkatkan permintaan dan promosi kepada pelukis dan karya mereka.

5. Ini merupakan gambaran sihat berkaitan kecemerlangan artis tempatan tersebut yang karyanya bukan sahaja dimiliki negara dan merupakan Koleksi Negara dimiliki Kerajaan Malaysia namun karya mereka dihargai dan dimiliki oleh pengumpul seni antarabangsa juga. Amalan GLAM asing mempamerkan atau memiliki objek seni Malaysia sebenarnya boleh dilihat sebagai lambang kekuatan nilai pengaruh seni Malaysia di persada dunia.

6. Sementara itu, karya seni digital *Crypto Art* adalah kategori karya yang berkaitan teknologi *blockchain*, diuruskan menerusi Bitcoin dan Ethereum, dan dijual beli dan dimiliki oleh sesiapaapun secara protokol pemasaran atas talian yang berciri disentralisasi atau tanpa kawalan pusat. Karya *crypto art* Malaysia tidak didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) mahupun di *World Intellectual Property Organization* (WIPO). Pada masa ini, WIPO masih sedang mengkaji karya *Crypto Art* termasuklah persoalan bagaimana hakcipta pelukis bakal dilindungi semasa proses pengesahan dan pemilikan dalam ekosistem *blockchain*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan untuk mengemas kini 'heritage trail' di Kuala Lumpur, contohnya, untuk menjadi produk pelancongan dan budaya yang memberikan impak positif kepada perniagaan-perniagaan tempatan dan mengekalkan identiti warisan setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama-sama Jabatan serta Agensi dibawahnya sentiasa komited dan giat meneruskan usaha-usaha promosi pelancongan warisan, seni dan budaya di Malaysia di samping memulihara, memelihara dan melindungi khazanah warisan negara.

2. Antara iniatif yang telah dan akan dijalankan oleh MOTAC dan agensi-agensi seliaannya termasuklah menganjurkan sesi lawatan suaikenal anjuran Tourism Malaysia bagi mengenalpasti dan mengemaskini potensi produk pelancongan jejak warisan untuk dipromosikan di peringkat domestik dan antarabangsa. Program-program suaikenal produk pelancongan jejak warisan dan budaya kepada media tempatan dan luar negara juga akan dilaksanakan bagi mendapatkan liputan yang lebih meluas berkaitan jejak warisan di Kuala Lumpur seterusnya dapat menarik minat pelancong.

3. Selain itu, turut dijalankan adalah kerjasama dengan agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong bagi mengemaskini pakej-pakej jejak warisan pelancongan yang lebih menarik menggabungkan produk sokongan di sekitar laluan tersebut yang berasaskan komuniti seperti pengusaha produk kraf dan cenderamata, tempat-tempat membeli-belah serta gastronomi bagi memperkayakan pengalaman dan kepuasan pelancong.

4. Pada masa yang sama, MOTAC sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak terlibat seperti Dewan Badanraya Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Tourism Bureau (KLTB), Kuala Lumpur Tourist Guide Association (KLTGA) dan Jabatan Warisan Negara dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan acara-acara pelancongan bandaraya Kuala Lumpur secara lebih giat di peringkat domestik mahupun global.

NO. SOALAN: 33

5. Dalam usaha memasarkan jejak warisan ini, KLTB juga telah mewujudkan program Kuala Lumpur Tourism Ambassador atau Duta Pelancongan Kuala Lumpur (KLAP) yang mana program ini mendorong penglibatan penduduk tempatan mempromosikan pelancongan di Kuala Lumpur. Program yang komprehensif ini melengkapkan mereka dengan kemahiran yang tepat untuk menjadi Duta Kuala Lumpur melalui latihan dan kemahiran praktikal mengenai perkhidmatan pelanggan dan kemahiran komunikasi dalam memberikan maklumat mengenai Kuala Lumpur.

6. Pelbagai aktiviti promosi lain juga dijalankan seperti publisiti melalui media sosial serta digital Tourism Malaysia memaparkan imej-imej dan klip video menarik bangunan-bangunan warisan Kuala Lumpur, menerbit dan mengemaskini maklumat e-broucher bangunan warisan di Kuala Lumpur untuk kegunaan para pelancong dan mengadakan sesi libat urus bersama pemain-pemain industri seperti di sektor perfileman bagi mengenalpasti dan merangka strategi untuk membantu mempromosikan khazanah warisan negara.

Sekian, terima kasih.